



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call. Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1962 > June > 6 > Page 9 > CHE YAH MENJADI JOHAN PERADUAN PADI KAJANG



## CHE YAH MENJADI JOHAN PERADUAN PADI KAJANG

Berita Harian, 6 June 1962, Page 9

Share    

 Save Citation

 Previous Article [Next Article](#) 

# CHE YAH MENJADI JOHAN PERADUAN PADI KAJANG

 **CHE' Yah** binti Rahim dari kampong Dusun Tua telah memenangi

 piala johan tahunan dalam satu pertandingan padi seluruh daerah Kajang yang di-adakan di-Pekan Rabu Beranang pada hari Sabtu yang lalu.

 Termasuk tahun ini ialah kali yang kelima. Che' Yah telah berjaya merebut gelaran johan dalam pertandingan padi yang di-adakan di-daerah ini pada tiap2 tahun.

Pengurus pertandingan padi ini Inche' Husain bin Kadir Penghulu Beranang menyatakan pada Berita Harian bahawa sa-ramai 91 orang petani dari seluruh daerah ini telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

Inche' Husain juga menerangkan tujuan pertandingan ini di-adakan pada tiap2 tahun ia-lah untuk menggalakkan petani2 itu supaya lebih giat lagi mengusahakan pertanian mereka dan juga menggalakkan petani2 itu menanam jenis2 padi yang baik.

Peraduan ini ia-lah di-

bawan anjoran Pegawai Daerah Kajang Inche' Othman bin Mohd Din dan ditanian di-Pusat Latihan Pertanian di-Cheras, Kajang.

Pertandingan ini terbahagi kepada empat perengkat iaitu A padi Jenis Siam, perengkat B padi Serendah, perengkat C padi Nachin dan juga padi pulut.

Keputusan lengkap pertandingan ini seperti berikut.

Johan padi yang terbaik sekali pada tahun ini di-menangi oleh Che' Yah binti Rahim dari Dusun Tua padi Serendah Kuning dari perengkat B; Naib johan di-menangi oleh Che' Fatimah binti Hamid dari Jenderam, padi Siam dari perengkat A.

Pemenang padi perengkat A. Che' Fatimah binti Hamid dari Jenderam, yang kedua di-menangi oleh Inche' Sihat bin Jalludin dari Beranang, yang ketiga di-menangi oleh Inche' Yusoff bin Kundang dari Beranang.

Pemenang padi Perengkat B. pertama di-menangi oleh Che' Yah binti Rahim dari Dusun Tua. Yang kedua di-menangi oleh Che' Halimah binti Tamin dari Dusun Tua, yang ketiga di-menangi oleh Inche' Yunos bin Saldi dari Beranang.

Pemenang padi perengkat C. Pertama di-menangi oleh Che' Rohani binti Yusof dari Jenderam, kedua di-menangi oleh Che' Rosminah binti Ramli dari Jenderam.



